

Usul ekonomi, pendidikan, agama lulus

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-54 sebulat suara meluluskan Usul Ekonomi dan Usul Pendidikan dan Agama pada hari terakhir persidangan semalam.

Usul Ekonomi dilulus selepas dibahaskan 14 perwakilan sejak kelmarin. Usul itu dibentangkan wakil Pergerakan Wanita Umno, Raja Ropiah Raja Abdullah dan disokong wakil Kelantan, Datuk Dr Awang Adek Husin.

Sepuluh perwakilan membahaskan usul berkenaan kelmarin, manakala empat lagi membahaskannya semalam, iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah.

Usul Pendidikan dan Agama pula diluluskan selepas tujuh wakil membahaskannya iaitu Pahang, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Perlis, Pemuda Umno dan Kedah.

Ia dicadangkan wakil Umno Johor, Datuk Gapar Gurrohu dan disokong oleh Naib Ketua Umno bahagian Hulu Selangor, Datuk Zainal Abidin Sakom yang mewakili Badan Perhubungan Umno Selangor.

Usul itu hanya dibahaskan tujuh pembahas.

Kelmarin, perhimpunan juga sebulat suara meluluskan Usul Terima Kasih ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Persidangan semalam ditangguhkan jam 1 tengah hari bagi membolehkan sesi penggulungan mulai pada jam 2.30 petang.